

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : INSTITUT WANITA BERDAYA UNTUK EKONOMI BERKEMAHIRAN

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Institut Wanita Berdaya bagi mencapai penglibatan wanita yang lebih besar dalam sektor ekonomi berkemahiran?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor telah merangka beberapa cadangan program, aktiviti dan penyelidikan untuk dilaksanakan bagi menayakan misi pemberdayaan wanita.

IWB turut menggariskan beberapa usaha dan strategi yang dapat melibatkan golongan wanita ini untuk berperanan lebih besar dalam sektor ekonomi berkemahiran seperti menjalankan program-program pembangunan kapasiti yang selari dengan keperluan setiap pekerjaan yang ada pada masa kini.

Selain daripada itu, program-program dan aktiviti-aktiviti seperti penganjuran seminar-seminar yang berbentuk pengetahuan turut dirangka untuk dijayakan agar golongan wanita terus positif di dalam menceburi bidang pekerjaan sedia ada melalui '*Lifelong Learning*'.

Pihak IWB juga sedang dalam tindakan penganjuran sebuah seminar Keseimbangan Hidup Berkerjaya yang bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan wanita yang bekerja dan memberi bantuan penyelesaian dengan mengadakan Projek Perintis Keseimbangan Hidup Berkerjaya di peringkat Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri melalui IWB juga akan menubuhkan sebuah projek perintis koperasi milik wanita iaitu Koperasi Wanita Negeri Selangor yang akan diterajui dan dianggotai oleh kaum wanita yang bakal membuka peluang kepada perniagaan yang berteraskan masyarakat.

Melalui penubuhan koperasi ini, golongan wanita seperti suri rumah dapat dibantu secara terus melalui manfaat perusahaan koperasi berasaskan perkhidmatan yang akan direncanakan kelak selain turut membantu golongan wanita yang tidak bekerja untuk menceburi bidang perniagaan.

Walaupun tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang keusahawanan, melalui Koperasi Wanita Negeri Selangor, wanita-wanita ini akan diberi tunjuk ajar agar mereka mampu membina dan membangun kapasiti diri.

Pihak IWB turut mengenal pasti bidang-bidang yang bersesuaian dan mesra wanita untuk dipelopori iaitu *caregiver industry* seperti pusat penjagaan *post-natal*, orang tua, dan pendidikan kanak-kanak istimewa.

Selain itu, IWB juga akan memperkenalkan perniagaan baru yang dapat menjana pendapatan dan mengangkat status ekonomi wanita seperti program "*Organic Farmville School*".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pertubuhan Tribunal Pengurusan Strata di Negeri Selangor?
- b) Senaraikan maklumat berkenaan kes-kes yang telah difailkan ke Tribunal Pengurusan Strata di luar negeri Selangor mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB Kinrara, Seksyen 103(1) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) menyebut bahawa anggota Tribunal Pengurusan Strata adalah dilantik oleh Menteri, di mana tafsiran "Menteri" di dalam Seksyen 2 Akta 757 adalah Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kerajaan tempatan.

Ini bermaksud bahawa, Menteri yang bertanggungjawab melantik anggota Tribunal adalah Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Tribunal Pengurusan Strata secara keseluruhannya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

- b) YB Kinrara, memandangkan Tribunal Pengurusan Strata tidak diwujudkan di peringkat negeri, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkenaan perkara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : KUALITI JALAN RAYA

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pelan penyelenggaraan jalan raya utama di bawah JKR bagi memastikan pengguna selamat menggunakannya, khususnya permukaan jalan dan lampu jalan diari Kampung Sg. Udang hingga ke Northport dan Bagan Hailam.
- b) Berapakah kos optimum yang diperlukan? Berapa yang diperolehi?

JAWAPAN:

- a) Pelan Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri di bawah JKR merangkumi Kontrak Jangka Panjang dan Sebut harga Secara Jabatan. Perincian bagi setiap kerja adalah seperti berikut :-
 - **Kontrak Jangka Panjang (KJP)** : Skop kerja utama adalah Penyelenggaraan Rutin merangkumi RO1 – RO11.

Skop Penyelenggaraan Rutin Tahun 2016 - 2021
RO1 - Pavement
RO2 - Road Shoulder
RO3 - Grass Cutting
RO4 - Road Furnitures
RO5 - Bridges, Pedestrian Crossing and Culverts
RO6 - Roadline
RO7 - Drainage
RO8 - Road Cleaning
RO9 - Routine Inspection
RO10 - Mandatory Inspection
RO11 - Street Lighting and Traffic Light

- **Sebut harga Secara Jabatan** : Skop kerja melibatkan pembaikan jalan, membaiki aspek keselamatan dan lain-lain kerja kecil (pembaikan longkang, bahu jalan) serta kes aduan yang diterima.

Penyelenggaraan Jalan Raya Persekutuan di bawah JKR bagi skop Penyelenggaraan Rutin adalah seperti berikut :-

Skop Penyelenggaraan Rutin
R01 – Pavemen
R02 – Penyelenggaraan Bahu Jalan
R03 – Pemotongan Rumput
R04 – Penyelenggaraan Perabut Jalan
R05 – Penyelenggaraan Pembentung & Jambatan
R07 – Penyelenggaraan Longkang

Bagi lokasi dari Kampung Sg Udang hingga ke Northport, penyelenggaraan jalan terlibat adalah termasuk dalam Pelan Penyelenggaraan Jalan Raya tersebut.

Manakala bagi penyelenggaraan Jalan Bagan Hailam adalah di bawah seliaan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

- b) Bagi Penyelenggaraan Rutin untuk **Jalan Negeri** dianggarkan sebanyak **RM 7648 / km / tahun** manakala bagi **Jalan Persekutuan** pula, kos bagi Penyelenggaraan Rutin dianggarkan sebanyak **RM 20,544 / km / tahun**. Bagi lokasi jalan dari Kampung Sg Udang hingga ke Northport, kos optimum kerja penyelenggaraan rutin jalan berkenaan dalam anggaran sebanyak **RM 253,315.52/ tahun** diperuntukkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim-skim dalam Inisiatif Peduli Rakyat yang boleh diberi nilai tambah supaya ia berbaloi dari segi kos yang dibelanjakan serta mencapai objektif?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan peduli rakyat sentiasa berusaha mencari alternatif bagi memastikan keperluan dan kebajikan setiap peringkat umur rakyat di Negeri Selangor terbela. Program IPR telah terbukti berjaya menarik perhatian dan penerimaan ramai rakyat Selangor sejak dilancarkan pada tahun 2008. Tahun demi tahun, peratusan penerima bantuan meningkat selaras dengan perkembangan setiap program yang diperkenalkan bagi membantu golongan yang kurang mampu di Negeri Selangor.

Dalam memastikan program-program IPR ini sentiasa berjalan dengan lancar dan berkesan, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil inisiatif dalam aspek untuk membuat penambahbaikan terhadap program-program IPR dan mengalu-alukan sebarang cadangan nilai tambah kepada program IPR untuk dipertimbangkan dalam memastikan objektif program IPR dapat dicapai dan disampaikan kepada kumpulan sasar yang tepat.

Secara keseluruhan, program-program yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dilihat berupaya membantu golongan yang memerlukan untuk menerima manfaat yang mana seterusnya akan menghasilkan impak positif dan berkesan terhadap kesejahteraan rakyat secara berterusan. Program-program IPR ini juga membantu di dalam mengurangkan bebanan kos sara hidup yang sentiasa meningkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : KESALAHAN MEMBERI, MENJUAL DAN MEMAKAI DARJAH
KEBESARAN YANG TIDAK DIKTIKRAF OLEH DYMM TUANKU
SULTAN SELANGOR**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kes berlakunya salah guna, memberi, menjual dan memakai Darjah Kebesaran yang tidak diiktiraf oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor selepas Dewan Undangan Negeri membuat pindaan Enakmen Lambang-lambang dan Nama-nama (mencegah daripada salah guna) 1962?
- b) Apakah hukuman yang telah diberikan untuk pesalah?

JAWAPAN:

- a) Tiada kes dilaporkan bagi salah guna, memberi, menjual dan memakai Darjah Kebesaran yang tidak diiktiraf oleh DYMM Sultan Selangor selepas Dewan Undangan Negeri membuat pindaan Enakmen Lambang-lambang dan Nama-nama (mencegah daripada salah guna) 1962.
- b) Memandangkan tiada kes yang dilaporkan setakat ini, tiada hukuman yang diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENJAJA TANPA KEBENARAN

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan cadangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah penjaja tepi jalan tanpa kelulusan yang semakin bertambah

JAWAPAN:

- a) PBT mengambil pendekatan untuk menawarkan beberapa program seperti pemutihan penjaja, pendedahan perniagaan secara *Online* serta menggalakkan perniagaan *foodtruck* di lokasi yang dibenarkan untuk menyelesaikan masalah penjaja tepi jalan tanpa kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : SARANAN KERAJAAN NEGERI TERHADAP DUN-DUN YANG TIDAK
MEMBERI KERJASAMA DALAM PROGRAM EXCO PENDIDIKAN**

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah saranan kerajaan negeri terhadap DUN-DUN yang tidak memberi kerjasama terhadap program-program sokongan PTRS (Pecutan akhir) yang dianjurkan oleh EXCO Pendidikan?

JAWAPAN:

- a) Saranan Kerajaan Negeri terhadap DUN-DUN yang tidak memberi kerjasama terhadap program-program sokongan PTRS (Pecutan Akhir) yang dianjurkan oleh Exco Pendidikan ialah:
- (i) Membuat pemantauan yang lebih terperinci komitmen Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) yang telah dilantik;
 - (ii) Memaklumkan kepada urus setia jika terdapat sebarang masalah berkaitan pelaksanaan program; dan
 - (iii) Program ini boleh dijadikan sebahagian daripada perancangan tahunan untuk program yang berkaitan dengan pendidikan di DUN-DUN; dan
 - (iv) Kuota yang disediakan akan ditawarkan kepada DUN yang lebih komited.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : LADANG AYAM

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pencemaran alam sekitar di Kuala Selangor dengan bau busuk dan lalat berpunca daripada ladang Ayam. Apakah langkah jabatan-jabatan terlibat untuk memantau ladang-ladang Ayam yang menimbulkan masalah?

JAWAPAN:

- a) Sepanjang tahun 2017, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) tidak menerima sebarang aduan berkaitan pencemaran alam sekitar di Kuala Selangor yang berpunca daripada ladang ayam. DVS Selangor sentiasa bersedia untuk bertindak apabila menerima sebarang aduan atau laporan awam tentang pencemaran alam sekitar berpunca daripada ladang-ladang ternakan ternakan. Namun, pihak yang membuat aduan dimohon untuk memberi maklumat-maklumat mencukupi seperti nama ladang, lokasi ladang supaya DVS Selangor boleh menjalankan operasi bersepadu dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi berkaitan yang lain dengan segera.

Seterusnya, langkah-langkah DVS Selangor untuk memantau ladang-ladang ayam yang menimbulkan masalah pencemaran alam sekitar adalah seperti berikut :

i. Penguatkuasaan Undang-undang

Salah satu tugas para pegawai DVS Selangor adalah menguatkuasakan undang-undang ke atas penternak-penternak yang menimbulkan masalah. Antara undang-undang utama yang digunakan oleh DVS Selangor bagi menangani masalah alam sekitar berpunca daripada ladang-ladang ternakan termasuk ayam adalah :

- Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) [Akta 647],
- Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013) [Akta A1452], dan
- Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007.

Di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007, pemilik ladang unggas yang disabitkan kesalahan, boleh dikenakan penalti, iaitu :

- Kompaun,

- Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya,
- Denda lima ratus ringgit setiap hari kesalahan terus dilakukan, dan
- Pengarah DVS Selangor berkuasa untuk membatalkan lesen perladangan unggas.

ii. Lawat Siasat Aduan Awam

DVS Selangor segera menyiasat sebarang aduan berkaitan ladang-ladang yang melanggar peraturan seperti menyebabkan pencemaran alam sekitar dan menimbulkan kacau ganggu. Kebiasaannya, lawat siasat awalan akan dibuat oleh pegawai Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PVD) dan sekiranya perlu, akan disusuli oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan Veterinar DVS Selangor.

iii. Program Pengembangan Veterinar

Semua kakitangan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PVD) bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat dan kepakaran bagi memajukan ladang-ladang penternakan di negeri ini. Ini termasuklah khidmat nasihat tentang kaedah-kaedah menambah baik sistem penternakan bagi mencegah pencemaran alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

**TAJUK : MASALAH SAMPAH DI JALAN BUKIT KUCHING SASARAN SUNGAI
BULUH**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah pembuangan sampah di tepi jalan kawasan berkenaan yang mencemar pandangan dan berbau busuk?
- b) Di manakah tempat pembuangan sampah bagi masyarakat di kawasan berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Pihak MDKS telah menyediakan tong *Leach Bin* bagi kawasan kampung dan akan melantik kontraktor bagi kutipan sampah domestik yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.

Perancangan bagi menangani masalah pembuangan sampah dengan kerap mengadakan intipan bagi pencegahan. Selain itu, menyediakan kawasan yang lebih sesuai untuk pembuangan sampah. Seterusnya kutipan sampah dibuat setiap hari bagi memastikan sisa pepejal yang dibuang tidak busuk dan berbau.

- b) Kutipan sampah bagi kawasan taman dikutip mengikut jadual 3 (tiga) hari seminggu. Hasil siasatan dan pemantauan, sampah yang dibuang di Jalan Sasaran adalah terdiri daripada penduduk kampung Bukit Kucing dan peniaga. Pelaksanaan dengan meletakkan tong *Leach Bin* dengan kerjasama Ketua Kampong bagi menentukan penempatan tong tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PEMBANGUNAN WANITA SELANGOR

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan Wanita Selangor cukup berdaya saing di peringkat antarabangsa?
- b) Di manakah Pusat Jagaan Kanak-kanak Berkemampuan yang sepatutnya dibina mengikut bajet Selangor 2017?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri prihatin dan mengambil berat akan isu-isu dan cabaran yang mendepani kaum wanita terutama pada masa kini yang menuntut kaum wanita untuk lebih berdaya, berani, berjaya di alam kerjaya dan rumahtangga. Pelbagai inisiatif dan program pemberdayaan dan pembangunan wanita telah dilaksanakan dalam membina jati diri dan kepimpinan kaum wanita menerusi beberapa program berikut :-
 - i) **Pusat Wanita Berdaya;**
Satu platform pemberdayaan wanita di peringkat akar umbi untuk memaksimumkan potensi dan mempelbagaikan kapasiti wanita bagi pemerkasaaan diri ke arah kemajuan sosial dan ekonomi, meningkatkan penglibatan wanita secara inklusif dalam semua program latihan dan kemahiran untuk pemberdayaan ekonomi keluarga dan masyarakat setempat;
 - ii) **Konvensyen Kepimpinan Wanita Selangor;**
Konvensyen Kepimpinan Wanita Selangor diadakan bagi membincangkan agenda-agenda pemberdayaan wanita serta menjadi medan jaringan dan pertemuan kepimpinan wanita dari seluruh negeri. Konvensyen ini juga memberi input dan pendedahan kepada para pemimpin wanita pelbagai peringkat untuk meningkatkan kapasiti masing-masing.
 - iii) **Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan**
Melalui tujuh matlamat yang digariskan dalam Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan untuk dilaksanakan sehingga tahun 2020 diharapkan dapat meningkatkan keupayaan dan sumbangan wanita untuk merealisasikan Selangor yang inklusif, mampan, adil dan makmur dengan memaksimumkan potensi dan mempelbagaikan kapasiti wanita bagi pemberdayaan diri dan kolektif ke arah kemajuan sosial dan ekonomi, meningkatkan kehidupan sosio-

ekonomi, kesihatan dan keselamatan wanita, menaik taraf dan mempercepatkan keupayaan kepimpinan dan pembuatan keputusan wanita.

- b) Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keperluan mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak berkemampuan atau *affordable childcare*. Beberapa siri perbincangan dan mesyuarat telah diadakan bagi mendapatkan input dan maklum balas agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai langkah awal bagi menyediakan pusat jagaan ini. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan Negeri telah pun mempunyai 14 buah taska atau pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja iaitu di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) Shah Alam, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah yang menawarkan yuran dengan harga berpatutan kepada kakitangan yang menghantar anak-anak mereka ke taska tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : CAJ TAKSIRAN BAGI TUJUAN AKTIVITI PERTANIAN

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar caj taksiran yang dikenakan bagi aktiviti pertanian di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berserta justifikasi?
- b) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menimbang semula kadar caj yang dikenakan kepada industri pertanian ini?

JAWAPAN:

- a) Kadar cukai taksiran bagi aktiviti pertanian adalah mengikut keluasan dan aktiviti yang dijalankan di kawasan tersebut. Selain itu, PBT juga mengambil kira kategori yang ditetapkan oleh jabatan teknikal yang berkaitan dengan aktiviti tersebut sebelum mengenakan cukai taksiran. Kadar cukai taksiran mengikut PBT adalah seperti jadual berikut :

BIL	PBT	KADAR
1.	MBSA	1% - 2%
2.	MBPJ	5.5%
3.	MPK	2.2% - 10.5%
4.	MPAJ	1.1%
5.	MPSJ	2% - 8%
6.	MPS	4%
7.	MPKj	1.1%
8.	MPSp	4%
9.	MDKL	1%
10.	MDHS	1%
11.	MDKS	2% - 3%

BIL	PBT	KADAR
12.	MDSB	1.5% - 2.5%

- b) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menimbangkan semula kadar caj yang dikenakan ke atas industri pertanian berikutan kemungkinan tinggi akan berlaku kenaikan sekiranya dilaksanakan memandangkan nilai hartanah semasa adalah begitu tinggi jika dibandingkan dengan nilai hartanah ketika tahun aras nilai digunakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : SKIM PEMILIKAN TANAH UNTUK KEDIAMAN

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah proses penukaran tanah jenis pertanian kepada kediaman milik persendirian di bawah "Skim Pemilikan Tanah untuk Rumah Kediaman" semenjak ianya di perkenalkan sehingga kini mengikut Daerah?
- b) Nyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mempromosikan skim ini kepada Rakyat?

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan pemberimilikan yang telah diluluskan dengan bayaran premium satu ribu ringgit adalah sebanyak **5317** permohonan dengan bayaran premium berjumlah **RM 5,317,000**. Butiran mengikut daerah adalah seperti berikut;

DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN	PREMIUM NOMINAL RM1,000 (RM)
Hulu Selangor	164	164,000
Kuala Langat	58	58,000
Petaling	1038	1,038,000
Hulu Langat	290	290,000
Sepang	170	170,000
Klang	66	66,000
Sabak Bernam	696	696,000
Kuala Selangor	1,237(kira semula)	1,237,000

DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN	PREMIUM NOMINAL RM1,000 (RM)
Gombak	2,835	2,835,000
JUMLAH	5317	5,317,000

Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

b) Usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor bagi mempromosikan skim ini kepada Rakyat berdasarkan kepada objektif seperti berikut:-

- i) Menyelesaikan masalah orang ramai berkaitan ketidakmampuan menjelaskan bayaran premium tanah;
- ii) Memberi peluang kepada rakyat Negeri Selangor membuat pilihan untuk menentukan kaedah pembayaran premium mengikut kemampuan masing-masing;
- iii) Membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan isu pendudukan setingan di atas tanah kerajaan ; dan
- iv) Mempertingkatkan aspek Urus Tadbir dalam Pentadbiran dan Pengurusan Tanah Negeri Selangor.

Skim pemberimilikan kediaman melalui Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011 (Garis Panduan Skim Pemberimilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di Negeri Selangor) yang menawarkan dua pilihan kaedah bayaran samada bayaran nominal RM1,000 atau diskau 30% daripada bayaran premium yang dikenakan sekiranya dalam tempoh notis.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah memberi pilihan kaedah bayaran kepada pemohon untuk menjelaskan bayaran premium melalui Pekeliling PTGS Bil 1/2016 (kaedah pembayaran premium dan premium tambahan ke atas kelulusan permohonan pemberimilikan dan pembangunan tanah di Negeri Selangor) seperti berikut:-

- i. Melanjutkan tempoh bayaran premium dan premium tambahan seperti berikut:-

Pembayaran premium Notis Borang 5A	12 bulan
Pembayaran premium tambahan Notis Borang 7G	6 bulan + 1 bulan (tambahan caj 3%)

- ii. Pengurangan bayaran premium sehingga 42% melalui pemendekan tempoh pegangan pajakan daripada 99 tahun kepada 60 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PAYA INDAH WETLANDS

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembangunan Paya Indah Wetlands oleh Syarikat Gamuda Berhad?
- b) Apakah bentuk-bentuk kelulusan yang telah diberikan oleh PBT dan Kerajaan Negeri ke atas pembangunan ini?

JAWAPAN:

- a) PLANMalaysia@Selangor telah merujuk permohonan tersebut kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) bagi mendapatkan nasihat dan pandangan daripada mesyuarat tersebut. MPFN Bil 2/2017 bertarikh 24 Julai 2017 telah memutuskan untuk PLANMalaysia@Selangor membawa semula permohonan tersebut ke MPFN untuk pertimbangan semula.
- b) Komponen pembangunan yang diluluskan secara dasar adalah seperti berikut:

PERUMAHAN

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	%	EKAR	%
Rumah Kluster (32' X 75')	280	3.34	13.21	0.86
Rumah Kluster (32' X 75')	629	10.50	44.24	2.89
Rumah Teres (32' X 70')	57	0.86	3.63	0.24
Rumah Teres (26' X 80')	84	1.27	4.81	0.31
Rumah Teres (24' X 80')	341	5.17	19.24	1.26
Rumah Teres (26' X 65')	477	7.24	22.05	1.44
Rumah Teres (24' X 65')	785	11.91	33.26	2.17
Rumah Teres (22' X 75')	306	4.64	14.18	0.93

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	%	EKAR	%
Rumah Sesebuah (60' X 100')	30	0.46	4.52	0.30
Rumah Sesebuah (55' X 100')	63	0.96	8.31	0.54
Rumah Berkembar (40' X 90')	156	2.37	14.70	0.96
Rumah Berkembar (40' X 80')	84	1.27	7.12	0.47
Rumah Selangorku (Jenis B,C,D)	1929	29.27	29.74	1.95
Rumah Selangorku (Jenis A,B,C,D)	1366	20.73	21.46	1.40
Jumlah Kecil	6590	100.00	240.47	15.72

PERNIAGAAN

KOMPONEN PEMBANGUNAN	PLOT	EKAR	%
Plot Pembangunan Komersil -1	1	4.51	0.30
Plot Komersil Bercampur - 1b	1	34.76	2.27
Plot Pembangunan Komersil - 3b1	1	18.79	1.23
Plot Pembangunan Komersil - 3b2	1	7.67	0.50
Plot Pembangunan Komersil - 3b3	1	6.96	0.43
Plot Pembangunan Komersil -3c1	1	7.27	0.48
Plot Pembangunan Komersil - 3c2	1	16.10	1.05
Plot Pembangunan Komersil – 3d	1	65.94	4.31
Plot Pembangunan Komersil - 4b	1	17.29	1.13
Plot Pembangunan Komersil - 5a1	1	32.50	2.12
Plot Pembangunan Komersil - 5a2	1	29.67	1.94
Plot Pembangunan Komersil - 6a1	1	17.02	1.11
Plot Pembangunan Komersil - 6a2	1	9.95	0.65
Plot Pembangunan Komersil - 6a3	1	10.53	0.69

KOMPONEN PEMBANGUNAN	PLOT	EKAR	%
Plot Pembangunan Komersil - 6b1	1	8.53	0.56
Plot Pembangunan Komersil - 6b2	1	16.86	1.10
Plot Pembangunan Komersil – 6c	1	5.00	0.33
Plot Pembangunan Komersil – 7a	1	71.64	4.68
Jumlah Kecil	18	380.65	24.89

INSTITUSI / KEMUDAHAN AWAM

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	EKAR	%
Sekolah Menengah	3	24.00	1.57
Sekolah Rendah	4	20.00	1.31
Tadika	7	3.66	0.24
Surau	6	3.17	0.21
Pusat Komuniti Dan Perpustakaan Awam	2	4.50	0.29
JMB / Pejabat Pengurusan	4	0.95	0.06
Masjid	1	3.00	0.20
Dewan	1	0.86	0.05
Hospital / Pusat Kesihatan	1	10.00	0.65
Rizab Kubur Islam	1	10.45	0.68
Rizab kubur bukan Islam	1	4.75	0.31
Balai Polis - Kad	1	5.09	0.33
Balai Bomba – Kad	1	2.50	0.16
Rizab Agama Bukan Islam (Ribi)	6	3.90	0.25
Jumlah Kecil	38	96.83	6.33

KAWASAN LAPANG

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	EKAR	%
Kawasan Lapang		82.97	5.43
Taman Tempatan		59.69	3.90
Zon Penampian		8.39	0.55
Jumlah Kecil		151.05	9.88

INFRASTRUKTUR

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	EKAR	%
Kolam Takungan Air		101.83	6.59
Rizab Parit		24.85	1.63
Rizab Tangki Air	2	6.36	0.42

KOMPONEN PEMBANGUNAN	UNIT	EKAR	%
Stesen Rawatan Kumbahan	1	13.65	0.89
Pencawang Masuk Utama	2	26.46	1.73
Pencawang Pengagih Utama	3	2.29	0.15
Pencawang Elektrik	20	1.21	0.08
Rizab Utiliti	-	3.46	0.23
Rizab Rentis TNB	-	58.46	3.82
Stesen Pam	4	2.54	0.17
Jalan raya	-	420.47	27.49
Jumlah Kecil	31	660.58	43.18
JUMLAH KESELURUHAN		1529.58	100.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PEMBINAAN TANDAS BARU DI KOMPLEKS SUKAN PANDAMARAN

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerja perobohan dan pembinaan tandas baru di Kompleks Sukan Pandamaran telah lama di tangguh. Apakah sebabnya?
- b) Sila berikan butir-butir dan anggaran kos terkini projek tersebut.
- c) Bila kerja akan dimulakan dan dijangka siap memandangkan tandas lama dalam keadaan yang sangat teruk.

JAWAPAN:

- a) Kelewatan kerja-kerja pembaikan kolam renang di Kompleks Sukan Pandamaran adalah disebabkan penyediaan melibatkan reka bentuk baru dan ruang surau tambahan. Selain itu, penyediaan lukisan terperinci dan menyemak dan menyelaraskan keperluan-keperluan teknikal bekalan.
- b) Butir – butir projek ini adalah seperti :-
 - i. Tandas lelaki dan perempuan : 80 meter persegi (termasuk 1 tandas OKU, bilik Janitor)
 - ii. Surau lelaki dan perempuan keluasan 92 meter persegi (termasuk landskap) yang mampu memuatkan lebih kurang 10 sehingga 15 orang.
 - iii. Kos anggaran terkini adalah RM 490,000.00.
- c) Sebut harga akan dipanggil pada awal bulan November 2017 dan dijangka siap pada awal bulan April 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PERLAKSANAAN PROGRAM INSAN SELANGOR

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai peserta program INSAN setiap tahun dari tahun 2016 hingga kini?
- b) Berapa kos setiap tahun dari tahun 2016 hingga kini untuk melaksanakan program INSAN?
- c) Berapa ramai perunding terlibat untuk mengendalikan program INSAN?

JAWAPAN:

- a) Program INSAN yang dilaksanakan dari tahun 2016 hingga Oktober 2017 telah melibatkan penyertaan seramai **14,044 orang** seperti berikut :

Tahun	Jumlah peserta (orang)
2016	7,622
Oktober 2017	6,422
Jumlah	14,044

- b) Kos yang digunakan untuk pelaksanaan Program INSAN dari tahun 2016 sehingga Oktober 2017 adalah berjumlah **RM5,319,347.20** seperti berikut :

Tahun	Kos (RM)
2016	3,004,923.95
Oktober 2017	2,314,423.07
Jumlah Keseluruhan	5,319,347.20

- c) Bagi memastikan penyediaan dan pengisian program menepati objektif dan hasrat Kerajaan Negeri. Maka pada tahun 2017 Jawatankuasa Tetap di bawah portfolio Pembangunan Modal Insan telah mengenalpasti dan melantik **22** juru perunding / konsultan untuk mengendalikan program Program INSAN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : ISU PENJUALAN SEMULA TANAH KERAJAAN NEGERI DI MUKIM
IJOK KUALA SELANGOR**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kewajaran kerajaan negeri memberikan semula tanah yang dirampas sebelum ini daripada Syarikat LBCN Sdn. Bhd sedangkan kes itu didakwa masih lagi dalam proses pertikaian di mahkamah persekutuan?
- b) Bagaimana pula dengan nasib peneroka asal tanah berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan Kerajaan Negeri melaksanakan pengambilan tanah bagi projek Alam Perdana adalah bagi menyelesaikan isu projek terbengkalai serta bagi memastikan hak 383 orang peserta bagi memiliki rumah sepertimana perjanjian yang telah dibuat oleh pihak peserta dan LBCN Sdn Bhd tercapai. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi milik 7 hak milik tanah yang diambil kepada pihak Pernerbadanan Menteri Besar (MBI) sebagai pemilik tanah bagi tujuan meneruskan pemuliharaan projek terbengkalai dan menyelesaikan pengeluaran hakmilik individu dan tukar syarat tanah. Segala kos pengambilan tanah dan pemuliharaan projek dibiayai oleh MBI. Lanjutan itu, pihak MBI telah melantik Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) sebagai agensi pelaksana projek bagi pemuliharaan rumah teres yang terbengkalai kecuali 203 unit rumah teres yang mendap dan retak dimana kerja pemuliharaan telah dilaksanakan pada Januari 2012 manakala pemuliharaan 2,500 unit rumah kos rendah telah dimulakan pada 9 November 2009 di bawah pemuliharaan dan pembiayaan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sendiri. Kedua-dua projek ini telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki Sementara pada 27 April 2012 dan Sijil Layak Menduduki penuh diperolehi pada 01 Oktober 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kesemua kes yang melibatkan LBCN Development Sdn Bhd telah pun diselesaikan melalui resolusi rundingan alternatif (alternative resolution dispute) di Mahkamah di mana kesemua saman yang difailkan oleh syarikat ini di Mahkamah telah pun ditarik balik oleh pihak-pihak tersebut. Kesemua pihak yang terlibat bersetuju dan akur terhadap satu penghakiman persetujuan di mana kesemua terma-terma persetujuan secara global (global settlement) telah direkodkan bagi dilaksanakan oleh pihak-pihak terlibat.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 383 orang peserta bagi Alam Perdana telah berjaya mendapatkan rumah mereka sepertimana perjanjian asal yang dibuat oleh para peserta dan Syarikat LBCN Sdn Bhd hasil dari usaha Kerajaan Negeri membuat pengambilan tanah dan memberi milik kepada kepada pihak Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) sebagai pemilik tanah bagi tujuan meneruskan pemuliharaan projek terbengkalai dan menyelesaikan pengeluaran hakmilik individu dan tukar syarat tanah. Segala kos pengambilan tanah dan pemuliharaan projek dibiayai oleh MBI. Lanjutan itu, pihak MBI telah melantik Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) sebagai agensi pelaksana projek bagi pemuliharaan rumah teres yang terbengkalai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PROSES PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah bilangan tapak rumah ibadat selain Islam yang telah diluluskan sejak 2009 mengikut pecahan daerah.
- b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri sehingga terpaksa mengambil tempoh yang terlalu lama untuk kelulusan pewartaan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah bilangan tapak rumah ibadat selain Islam yang telah diluluskan mengikut pecahan daerah sehingga 30 September 2017 seperti berikut :-

PEJABAT TANAH & DAERAH	TAHUN									JUMLAH MENGIKUT DAERAH
	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017 (SEPT)	
PEJABAT TANAH & GALIAN	1	0	2	0	6	0	0	0	0	9
PETALING	6	6	3	6	7	3	6	6	4	47
KLANG	0	0	1	1	3	1	6	12	2	26
GOMBAK	4	1	0	1	5	3	0	5	3	22
HULU LANGAT	1	2	3	3	3	0	4	2	6	24
SEPANG	0	0	2	2	0	3	1	0	1	9
KUALA LANGAT	0	0	0	0	2	0	0	4	1	7
KUALA SELANGOR	0	0	5	3	3	4	0	6	2	23
HULU SELANGOR	5	4	2	1	1	0	3	4	2	22
SABAK BERNAM	1	1	4	2	2	2	1	1	0	14
JUMLAH	24	22	25	19	32	21	21	40	21	225

- b) Pihak Berkuasa Negeri akan meluluskan perizaban mana-mana Tanah Kerajaan untuk maksud awam melalui permohonan lengkap yang dikemukakan bersama pelan pra-hitungan (*pre-com plan*) yang disediakan oleh Juru ukur Berlesen. Seterusnya setelah tanah yang telah diluluskan perizaban diukur halus melalui pengeluaran Pelan Akui (PA) oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), pengisytiharan perizaban akan diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor. Proses ini akan mengambil tempoh masa yang lama sekiranya isu tanah yang dicadangkan untuk perizaban tidak diselesaikan seperti isu pertindihan lot, pelan tanah yang dikemukakan tidak sempurna dan masalah dalam proses ukur halus untuk pengeluaran Pelan Akui (PA).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN DAN BAIK PULIH KAWASAN DAN BANGUNAN
SEKOLAH RENDAH (SRA) DAN MENENGAH AGAMA (SMAK)
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan dan baki peruntukan bagi tahun 2017?
- b) Apakah bentuk penyelenggaraan dan baik pulih yang telah dilaksanakan di DUN Meru bagi tahun 2017? Senaraikan.
- c) Apakah permohonan baik pulih dataran himpunan dan menambah baik pagar keselamatan di bawah peruntukan sama?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan dan baki peruntukan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

KATEGORI/ KOD	MAAHAD TAHFIZ / P14 - 01022	SEKOLAH AGAMA / P14 - 01021
Peruntukan Dikemas kini	1,000,000.00	6,000,000.00
Baki Peruntukan	296,122.24	415,561.12

- b) Antara penyelenggaraan dan baik pulih yang telah dilaksanakan di DUN Meru bagi tahun 2017 ialah:

Bil	Nama Sekolah	Baikpulih
1.	Sekolah Rendah Agama Meru	Baik pulih pagar <i>anti climb</i>
2.	Sekolah Rendah Agama Meru 2	Baik pulih bumbung sekolah
3.	Sekolah Rendah Agama Kapar Timur	Baik pulih longkang pada bangunan dan pendawaian elektrik
4.	Sekolah Rendah Agama Kapar Barat	Baik pulih pendawaian elektrik

- c) Ya, permohonan baik pulih dataran himpunan dan menambah baik pagar keselamatan tersebut termasuk di dalam skop baik pulih dan dalam peruntukan baik pulih P14 – Jabatan Agama Islam Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PEMASANGAN KAWALAN LITAR TERTUTUP (CCTV)

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat, nilai, tempoh kontrak serta lokasi pemasangan CCTV untuk mencegah jenayah mengikut pecahan PBT di Selangor
- b) Adakah Kerajaan Selangor akan menambahkan bilangan CCTV sedia ada di setiap PBT bagi tujuan pencegahan jenayah dan kawalan trafik? Jika ya, senaraikan ikut pecahan PBT.

JAWAPAN:

a) dan b)

Sebanyak **414 unit** Kamera Litar Tertutup (CCTV) Negeri Selangor telah mula beroperasi pada bulan November 2013 melalui kontrak secara *build, operate and transfer* antara Kerajaan Negeri Selangor bersama syarikat GTC Global Sdn. Bhd. yang kini dikenali sebagai VADS Lfye Sdn. Bhd. Tempoh kontrak adalah selama **20 tahun** dengan kos sebanyak RM488,520.00 sebulan atau RM5,862,240.00 setahun. Jumlah CCTV yang dipasang mengikut PBT adalah:

Bil.	PBT	Bilangan CCTV
1.	MBSA	50
2.	MBPJ	60
3.	MPK	60
4.	MPSJ	50
5.	MPS	50
6.	MPKj	60
7.	MPSp	50
8.	MDKL	10
9.	MDKS	8
10.	MDSB	8
11.	MDHS	8
12.	MPAJ	Tidak terlibat
Jumlah		414

Buat masa ini, penambahan jumlah CCTV telah dilaksanakan oleh beberapa PBT dengan menggunakan peruntukan PBT masing-masing atau bekerjasama dengan lain-lain agensi yang terlibat contohnya:

BIL.	PBT	TAMBAHAN	
		SEDIA ADA	DALAM PERANCANGAN
1.	MBSA	163 unit	10 % tambahan pemasangan di CCTV Bangunan mengikut keperluan setiap tahun.
2.	MBPJ	83 unit	Tiada
5.	MPS	100 unit	
12.	MPAJ	20 unit	
3.	MPK	Tiada	
4.	MPSJ		
6.	MPKj		
7.	MPSp		
8.	MDKL		
9.	MDKS		
10.	MDSB		
11.	MDHS		
Jumlah			

Nota Tambahan

1. MBSA

BIL	PROJEK	JUMLAH CCTV (UNIT)	MAKLUMAT PROJEK	
1.	Sistem Pemantauan Kamera Tanpa Wayar (CCTV) Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan - Peruntukkan dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	24	Syarikat	: Vads Lyfe Sdn Bhd
			Nilai	: RM33,551,080.00
			Tempoh Kontrak	: 1/12/2017 – 30/11/2022 (60 Bulan)
			Lokasi Pemasangan	: Kawasan Pentadbiran MBSA
2.	Sistem Pemantauan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Untuk Bangunan-Bangunan Majlis Bandaraya Shah Alam	108	Syarikat	: Kiwitech Sdn Bhd
			Nilai	: RM1,218,287.00
			Tempoh Kontrak	: 01.08.2014 – 30.11.2017 (Penyelenggaraan)
			Lokasi Pemasangan	: Bangunan-bangunan MBSA
3.	Sistem Pemantauan Kamera Litar Tertutup Mudah Alih (Mobile CCTV) Di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam	31	Syarikat	: Caliber Interconnects Sdb Bhd
			Nilai	: RM2,793,312.00
			Tempoh Kontrak	: 1/03/2017 – 29/02/2020 (36 Bulan)
			Lokasi Pemasangan	: Kawasan pembuangan sampah haram dan pemantauan banjir di Shah Alam

Selain itu, merujuk kepada Pelan Perancangan Strategik Majlis Bandaraya Shah Alam 2016-2020 di bawah **Teras Strategik 4 : ICT dan Inovasi Pemacu Bandaraya Kompetitif**, MBSA telah merancang penambahan pemasangan CCTV di kawasan pentadbiran Majlis seperti berikut:

STRATEGI 3(v)	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI (KPI)
Pengukuhan Infrastruktur ICT	Keselamatan (CCTV, Capaian)	10% tambahan pemasangan CCTV (hotspot / Bangunan MBSA) mengikut keperluan setiap tahun.

2. MBPJ

NAMA SYARIKAT /AGENSI	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	BIL. CCTV	LOKASI PEMASANGAN CCTV
MBPJ	-	-	24 Unit	Sekitar kawasan MBPJ 1.Jalan 14/19 2.Jalan 14/17 3.LRT Taman Bahagia 4.Jalan SS2/60 5.Jalan SS2/67 6.Jalan SS22/2 7.Jalan SS22/19 8.Jalan SS21/39 9.Taman Megah SS24/8 10.Jalan Othman 11.Pusat Bandar Sek 17 12.LRT Taman Jaya 13.Jalan Medan 11 14.Lorong Dickson 15.Jalan Maju Jaya 11 16.Jalan SS23/23 17.Jalan SS25/6 18.Jalan PJS 2d/8 19.Jalan PJS 8/5 20.Jalan PJS 8/7 21.Jalan PJS 10/24 22.Jalan PJS 2/7 23.Jalan Maju Jaya 1/1 24.Jalan SS24/8

NAMA SYARIKAT /AGENSI	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	BIL. CCTV	LOKASI PEMASANGAN CCTV
KPKT	-	5 Tahun	24 Unit	<p>Sekitar kawasan MBPJ</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Jalan PJU 8/8 Flora Damansara Blok C 2.Jalan Persiaran Surian, Pelangi Damansara 3.Jalan Lebuhraya One Utama 4.Jalan Masjid, Pelangi Utama Damansara 5.Jalan SS21/58 Uptown 6.Jalan SS21/35 Uptown 7.Jalan SS20/10 Damansara Kim 8.Jalan 17/52 dan 17/31 9.Jalan 17/27 10.Jalan 17/22 dan Simpang 17/33 11.Jalan 17/10 12.Jalan 17/13 13.Jalan 17/1A 14.Jalan SS2/72 15.Jalan SS2/2 Sea Park 16.Jalan SS2/66 17.Jalan SS2/26 18.Jalan SS2/24 Sea park 19.Jalan SS2/10 20.Jalan SS2/6 Sea Park 21.Jalan SS2/24 22.Jalan 21/24 dan Jalan 21/37 23.Jalan 20/16A 24.Jalan 11/4

NAMA SYARIKAT /AGENSI	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	BIL. CCTV	LOKASI PEMASANGAN CCTV
MBPJ Fasa 2	RM1,199,076.00	3 Tahun	27 Unit	Sekitar kawasan MBPJ 1.Taman Jaya 2.Taman Aman 3. Taman Bandaran Kelana Jaya 4. Laluan Masuk Ke Pusat Bandar 5. Taman PJS 10/24 6. Jalan SS 2/63 7.Jalan PJS 1/21A 8. Jalan 51A/227 9. Jalan PJS 3
MBPJ Fasa 3	RM 697,800.00	3 Tahun	8 Unit	Sekitar kawasan MBPJ 1.Seksyen 18/17 2. Jalan Cempaka Kg Kayu Ara 3. Jalan Masjid 4. Jalan PJS 3 5. Jalan PJU 1A/7 6. Jalan PJU 1A/39 7.Jalan PJS 5/4 8. Jalan 17A/12

3. MPSJ

NAMA SYARIKAT /AGENSI	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	BIL. CCTV	LOKASI PEMASANGAN CCTV
Vads Lyfe Sdn Bhd	26,118,756.79	20 tahun	100 unit	Sekitar kawasan MPSJ

Vads Lyfe Sdn Bhd	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	5 tahun	24 Unit	Sekitar kawasan MPSJ
-------------------	---	---------	---------	----------------------

4. MPS

NAMA SYARIKAT /AGENSI	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	BIL. CCTV	LOKASI PEMASANGAN CCTV
VAD LYFE SDN BHD	-	KPKT Status : Kontrak Telah Tamat Pada 17 Mac 2016 Dan Kontrak Akan Sambung	50 Unit	Sekitar Kawasan MPS
VAD LYFE SDN BHD	-		50 Unit	Sekitar Kawasan MPS

5. MPAJ

NAMA SYARIKAT /AGENSI	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	NO. CCTV	LOKASI PEMASANGAN CCTV
System Consultancy S/B	474,302.30	3 Tahun	20	Pemasangan sekitar Taman Melawati : <ol style="list-style-type: none"> 1. Jalan B9 2. Jalan B1 3. Jalan C9 4. Melawati 1 5. Jalan C2 6. Jalan B4 7. SAR 8. Bukit Mas 9. Jalan F6 (Play Ground) 10. Jalan P H 11. SK Rendah 1 12. Jalan M4

				<ul style="list-style-type: none">13. Ndayu14. International School15. Jalan Seladang16. Melawati 217. Jalan G1 (Kclub)18. Jalan F1 (Masjid)19. Palong20. Shakia
--	--	--	--	---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan pemantauan secara *real-time* melalui aplikasi *iClean* Selangor yang menelan belanja sebanyak RM45juta pada tahun 2017?
- b) Bagaimana keberkesannya dalam mengurangkan masalah kontraktor sisa pepejal yang lemah di MBPJ?

JAWAPAN:

- a) Selepas 4 bulan beroperasi melaksanakan sistem pemantauan secara *real-time* melalui *Smart Waste Management*, aduan sampah (sampah domestik) telah menurun sebanyak 97% di kawasan operasi KDEBWM.

- b) **MBI**

KDEBWM masih belum beroperasi di MBPJ.

MBPJ

MBPJ telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengurangkan masalah kontraktor sisa pepejal yang lemah iaitu:-

- ❖ Penilaian teknikal yang perinci ke atas keupayaan kontraktor serta pengurusan data/ rekod prestasi kerja lepas kontraktor sebagai rujukan masa hadapan.
- ❖ Mengetatkan kursus membina kapasiti kepada pengurus, penyelia dan pekerja kontraktor bagi meningkatkan prestasi atau kualiti kerja.
- ❖ Pemantauan yang rapi termasuk mendapat penyertaan masyarakat proses memberi maklum balas ke atas prestasi kerja harian kontraktor
- ❖ Mengenakan hukuman dan NTC (*notice to correct*) yang tinggi ke atas kontraktor yang tidak mematuhi spesifikasi kerja.
- ❖ Mengambil tindakan menamatkan kontrak bagi kontraktor yang tidak dapat menjalankan tugas mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- ❖ Syarikat yang ditamatkan kontrak akan di senarai hitamkan untuk tawaran kerja lain selama satu tahun.